



**Ucapan Pendahuluan**  
**Yang Berhormat**  
**Pehin Orang Kaya Seri Utama**  
**Dato Seri Setia Awang Haji Yahya**  
**bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,**  
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber  
Utama,  
Negara Brunei Darussalam  
Selaku  
Pengerusi Lembaga Pelancongan Brunei  
(Brunei Tourism Board)

Mesyuarat Pertama Lembaga Pelancongan Brunei  
Mangrove Paradise Resort, Kg Sungai Belukut  
Hari Khamis, 17 Mei 2012 / 25 Jamadilakhir 1433

**BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.**  
**Assalamualaikum Warahmatullahi**  
**Wabarkatuh dan salam sejahtera.**

Ahli-Ahli Lembaga Pelancongan Brunei, urusetia, pegawai dan kakitangan yang saya hormati sekalian.

1. Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, keluarga serta sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

2. Alhamdullilah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita semua dapat berkumpul pada petang ini di Mesyuarat Pertama Lembaga Pelancongan Brunei bagi tahun 2012.
  
3. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah di atas lantikan ahli-ahli baru Lembaga Pelancongan Brunei. Diharap ahli-ahli yang baru dilantik akan dapat memberikan buah-fikiran dan dokongan bagi sama-sama memajukan sektor pelancongan di Negara ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli kerana dapat meluangkan masa untuk menghadirikan diri di Mesyuarat pada petang ini.

4. Sebagai pendahuluan Mesyuarat Pertama Lembaga ini saya ingin mengetengahkan lima (5) *sets of frames* sebagai batas-batas kita khususnya, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. **Pertama:** dalam mengkaji kesan-kesan kepada transformasi fizikal sesebuah negara, sektor pelancongan menerima kedua-dua sekali sanjungan dan kecaman. Disanjung kerana ia membuka peluang-peluang bagi pembangunan negara. Dikecam kerana pencemaran kepada alam persekitaran dan masyarakat setempat. Kesan sektor pelancongan kepada sesebuah negara tidaklah seelok yang diberikan. Perjalannya juga bukanlah jalan satu hala saja. Itu pendekatan secara jauh.

5. **Kedua:** kita tidak boleh mengenepikan peranan sektor pelancongan ini. Dalam Titah Ucapan KDYMM bertarikh 7 April 2012 yang akan dimuatkan dalam *The Golden Book* terbitan *United Nation's World Tourism Organization (UNWTO)* dan *World Travel and Tourism Council (WTTC)* berbunyi:

*Brunei Darussalam recognizes the significant contribution tourism plays towards the growth and development of our economy. It not only provides a platform to diversify our economy but also serves to generate income and employment opportunities amongst our people.*

Ini diulangi oleh Baginda lagi dalam Warkah Baginda bertarikh 24 Mac 2012 kepada

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berbunyi:

*...bagi pihak Pehin mengedarkan kepada kesemua agensi Kerajaan Kaola dan sektor swasta yang berkaitan dengan sektor pelancongan di negara ini sebagai langkah lanjut untuk memberikan kesedaran bahawa sektor pelancongan dan pengembaraan mempunyai potensi untuk menjana peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi negara.*

6. **Ketiga:** Pendekatan pelancongan dan pengembaraan dari kacamata Ugama kita, Ugama Islam yang tidak melarang pelancongan, malah menggalakkannya untuk tujuan-tujuan memerhati, mengkaji dan mengambil itibar. Yang Berhormat Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

dalam doanya sempena Majlis Pelancaran dan Pameran Pelancongan Islam menyebutkan: Melihat pelancongan itu bukan dengan kaca mata biasa untuk semata-mata makan angin atau berhibur, tetapi lebih penting dari itu ialah juga untuk melihat-lihat akan kesan-kesan rahmat dan nikmat Allah dipermukaan bumi, yang dengannya kelak mampu untuk menumbunkan keinsafan betapa Allah itu Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana dalam mentadbir dan memakmurkan buminya dengan pelbagai nikmat, disamping berkuasa pula mencabut nikmat tersebut apabila dia diderhakai.

7. **Keempat:** realiti sektor pelancongan di Negara ini, antaranya sektor ini secara langsung cuma menyumbang 2% kepada Gross Domestic Product (GDP), iaitu yang paling terendah di kalangan negara-negara ASEAN (direct tourism contribution to the economy - ASEAN average 3.4%, highest in Cambodia being 8.8%, followed by Thailand 6.2%, then Malaysia 5.1%). Ini bermakna sektor ini bukanlah sebagai sektor utama dan paling penting untuk merubah lanskap perekonomian negara. Ia adalah di antara beberapa sektor yang boleh menyumbang seperti sektor-sektor kewangan, pertanian, perikanan, perhutanan dan pembuatan serta lain-lain sektor.

8. **Kelima:** Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah Negara yang mempunyai imej tersendiri kaya dengan budaya dan kepercayaan serta hutan prestin, buminya masih hijau, langitnya biru, udaranya masih bersih ditambah dengan penduduknya yang ramah dan mesra.
9. Sesuai dengan *sets of frames* ini, sektor pelancongan di Negara Brunei Darussalam bukannya berbentuk “**mass tourism**”; tetapi lebih mendekati konsep yang digelar “**alternative tourism**”, yang dikaitan dengan seorang pengkaji sektor ini J Krippendorf (1982) iaitu yang mengutarakan pendekatan yang bertentangan dengan “*mass tourism*”. Pendekatan ini menekankan kehendak-

kehendak alam sekitar yang tidak tercemar atau terjejas dan keperluan-keperluan penduduk setempat. Sumber-sumber alam dan sumber-sumber kebudayaan adalah sebagai penentu perancangan dan pembangunan sektor ini dan bukannya sebagai “*an afterthought*” atau bahan sampingan saja. Ianya juga dikenali sebagai ‘*niche tourism*’ atau ‘*interactive tourism*’ atau “*cultural/religious/eco-tourism*”.

10. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga ingin menjadikan sektor pelancongan ini sebagai sektor yang memainkan peranan dalam “*inclusive and balanced development*” melalui perkembangan sosio-ekonomi pinggir

dan luar bandar serta kegiatan-kegiatan perekonomian informal seperti perusahaan kotage dan tradisi.

11. Dalam kegairahan kita untuk membangunkan industri pelancongan, adalah penting bagi kita untuk menimbang dengan sehalus-halusnya dalam usaha kita memilih produk yang akan dikembangkan majukan biarlah iaanya sesuai dengan imej Negara dan tidak merosakkan ugama, tradisi, budaya, warisan dan alamsekitar. Kita ingin menjadikan Negara Brunei Darussalam destinasi pelancongan prestin dan unik. Para pelancong boleh menimba ilmu dan menambah pengetahuan mempelajari adat dan tradisi berbagai puak di Negara ini, biodiversiti,

flora, fauna, kehidupan aman damai, alamsekitar terpelihara dan persekitaran yang sihat.

12. Di samping itu, dalam usaha untuk mempromosikan pelancongan di luar Negara, rancangan hendaklah dikendalikan secara berfasa dan memberikan fokus kepada negara-negara yang kukuh perekonomiannya dan mempunyai ciri penduduknya yang cinta dan menghargai alam sekitar. Langkah ini dibuat bagi memaksimakan penggunaan sumber tenaga kerja dan mengurangkan pembaziran.

13. Begitu juga dalam menilai jumlah kedatangan pelancong ke Negara ini, sukat-sukat yang kita utamakan ialah **TOURIST EXPENDITURES** dan bukan hanya **TOURISM ARRIVALS**.
14. Jesteru itu, kerjasama di antara agensi-agensi dalam Negara sangatlah penting bagi sama-sama membangun produk-produk dan meningkatkan perkhidmatan.
15. Semoga perjumpaan pada petang ini membolehkan kita bercambah fikiran dan menghasilkan idea-idea baru seterusnya membentuk halatuju bagi memudahkan sektor pelancongan di Negara Brunei Darussalam ini berkembang dengan jayanya dengan tidak bercanggah dengan falsafah Negara Melayu, Islam, Beraja.

Sekian, Terima kasih. Wabillahhittaufik  
Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh